


# *Khusyuk mendengar PM*

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

**PERDANA** Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merangkap Menteri Pertahanan berucap di majlis penyampaian diploma Maktab Turus Angkatan Tentera 1981 di Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur semalam.

Pegawai-pegawai tinggi tentera laut, udara dan darat kelihatan khusyuk mendengar ucapan Perdana Menteri yang menyentuh masalah pengurusan dan pentadbiran Angkatan Tentera.

Antara lain Perdana Menteri menegaskan supaya diwujudkan pentadbiran dan pengurusan yang cekap bagi mengelakkan sebarang pembaziran dalam pembekalan keperluan Angkatan Tentera. — Gambar Berita Harian.